

06/08/1998

Ramai sokong pendirian tegas Mahathir

Seri Intan Othman; Ahmad Burak; Daud Awang; Salina Abdullah
KUALA LUMPUR, Rabu - Pendirian tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu pemindahan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) dari stesen kereta api Tanjong Pagar ke Woodlands di Singapura, terus mendapat sokongan pelbagai pihak.

Menteri-menteri besar dan tokoh pembangkang sekata bahawa Malaysia tidak harus lagi berlembut dengan Singapura kerana republik itu sendiri tidak pernah menghormati jirannya.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata Singapura wajar menerima mesej jelas mengenai pendirian Malaysia dan sedar tindak tanduk mereka merugikan diri sendiri.

"Johor menyokong sebarang pendirian kerajaan. Kita sepatutnya tidak dilayan seperti itu. Kita harap Singapura dengar pendirian tegas Perdana Menteri.

"Selama ini kita tidak mempunyai sebarang prasangka terhadap Singapura, sebaliknya mereka sengaja mengadakan isu yang boleh merumitkan keadaan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Johor Bahru, hari ini.

Menurutnya, kerajaan Johor tidak pernah mempertikai hak dan kepentingan rakyat Singapura di negeri itu, termasuk rumah, hartanah, tapak perindustrian, syarikat dan ladang yang mereka miliki.

Dr Mahathir semalam mengingatkan Singapura supaya jangan ambil mudah kebaikan Malaysia kerana negara ini sentiasa mahu berbaik-baik dengan jirannya.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia hanya menuntut supaya Singapura memberikan layanan yang tidak lebih daripada apa diberikan oleh negara ini kepada republik itu.

Beliau merujuk kepada arahan Kerajaan Singapura agar Malaysia memindahkan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Malaysia di republik itu dari stesen keret api Tanjong Pagar ke Woodlands. Bagaimanapun, Malaysia memutuskan tidak berpindah dari tempatnya sekarang, di tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM Berhad) di Tanjong Pagar.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad mengingatkan Singapura supaya jangan terus menimbulkan kemarahan negara ini sehingga rakyat hilang kesabaran.

"Singapura tidak harus menimbulkan kemarahan rakyat kerana Malaysia sudah banyak bersabar dalam beberapa perkara tidak menyenangkan yang dilakukan republik itu sebelum ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco negeri, hari ini.

Di ALOR STAR, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, berkata Singapura tidak harus menganggap Malaysia lemah hanya kerana negara ini bersikap baik terhadap mereka.

"Selalunya orang beranggapan apabila kita buat baik terhadap seseorang, maka kita lemah," katanya.

Sambil menyifatkan tindakan Singapura berhubung isu KIK sebagai tindakan bongkak, beliau berkata, pendirian yang diambil Malaysia adalah amaran bahawa negara ini bukan lemah.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob menegaskan, Malaysia berhak membuat protes terhadap Singapura berhubung isu KIK di republik itu.

Sebagai negara jiran, kata beliau, Singapura sepatutnya bertolak ansur dan bersikap diplomasi dalam sebarang tindakan, lebih-lebih lagi dalam

kegawatan ekonomi sekarang.

"Kita dapati tidak ada tanda-tanda kesedaran langsung daripada Singapura. Dalam kegawatan ekonomi sekarang, republik itu juga menghadapi masalah yang teruk.

"Mereka sepatutnya lebih berfikir dan memberi perhatian terhadap perkara itu, berbanding negara ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa tanah negeri, hari ini.

Mengenai cadangan penjualan air dari negeri ini ke Singapura, Mohd Khalil berkata, kerajaan Pahang tidak mempunyai perancangan untuk berbuat demikian.

Di IPOH, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata Singapura perlu sedar langkah mereka boleh menyinggung perasaan rakyat negara ini, yang boleh berlaku ke atas mereka jika Malaysia juga berbuat demikian.

"Singapura perlu mengelak mengambil pendekatan seperti itu pada masa depan kerana Malaysia terlalu baik dan hormat kepadanya sebagai jiran.

"Jika mahu dihormati, mereka juga hendaklah menghormati orang lain. Perbalahan ini hanya akan merugikan kedua-dua negara," katanya.

Di KOTA KINABALU, Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Bernard Dompok, yakin pertelingkahan antara Malaysia dan Singapura boleh diselesaikan dalam tempoh terdekat, tanpa banyak masalah.

Ini kerana hubungan baik antara kedua-dua negara yang sudah terjalin sekian lama dan beliau menyifatkan apa yang berlaku ketika ini sebagai perkara kecil yang boleh diselesaikan secara baik.

Di PULAU PINANG, Timbalan Pengerusi Kebangsaan DAP, Karpal Singh, berkata pendirian tegas Dr Mahathir mengenai isu berkenaan perlu diberi sokongan tanpa sebarang alasan dan keraguan.

"Kenyataan Perdana Menteri bahawa Singapura tidak harus ambil mudah terhadap kebaikan Malaysia adalah tepat dan benar.

"Kini tiba masanya bagi Malaysia untuk bertindak," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, Singapura tidak seharusnya menjadi seperti Israel yang secara angkuh mahu menunjukkan kekuatannya dan menakut-nakutkan Malaysia.

"Tindakan mensabotaj jiran yang baik menerusi media dan mengeluarkan arahan memindahkan pusat pemeriksaan KIK itu menunjukkan sikap tidak matang kerajaan Singapura," katanya yang juga Ahli Parlimen Jelutong.

Menurutnya, DAP memberi sokongan ikhlas kepada kerajaan dalam pendiriannya terhadap Singapura mengenai isu berkenaan dan parti politik daripada kedua belah pihak juga mesti bersatu menghadapi Singapura dalam soal ini.

Di PETALING JAYA, Pergerakan Pemuda MCA tidak akan berdiam diri dengan tindakan provokatif Singapura terhadap Malaysia sejak kebelakangan ini, terutama berkaitan isu KIK.

Ketuanya, Datuk Chan Kong Choy, berkata 260,000 anggota Pemuda MCA sedang memerhati setiap perkembangan berkaitan isu itu dan bersedia mengambil tindakan lebih drastik jika keadaan memaksa.

"Kita sudah menghantar memorandum tidak puas hati Pemuda MCA terhadap langkah Singapura itu kepada Pemuda Parti Tindakan Rakyat (PAP) dua hari lalu.

"Bantahan itu datang daripada rasa kesal dan terkilan Pemuda MCA yang cintakan negara," katanya.

Chan berkata, Pemuda MCA sudah mengeluarkan beberapa kenyataan berkaitan isu KIK sebelum ini dan masanya sekarang untuk memerhati secara dekat dan teliti.

Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia (Just), Prof Chandra Muzaffar, pula berkata, sikap Singapura yang berkeras tidak mahu mengalah itu mencerminkan amalan sikap 'Only I Count' (OIC) - Pentingkan Diri Sendiri dalam hubungan dua halanya.

Beliau berkata, keadaan itu juga dengan jelas menunjukkan pemikiran 'Kiasu' dalam dasar luar negara republik itu.

"Singapura harus menyingkirkan psikologi Kiasu itu jika ingin hidup damai dengan Malaysia.

"Sebagai permulaan, mereka harus memindahkan semula pusat pemeriksaan KIK ke Tanjong Pagar dan berbincang dengan kerajaan Malaysia berhubung perkara itu," katanya.

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) pula berpendapat, Singapura harus lebih ikhlas dalam usaha untuk merapat dan memperkukuhkan hubungan dengan Malaysia, termasuk dalam menyelesaikan isu KIK.

Naib Presiden Antarabangsanya, Ayraf Wajdi Dusuki, berkata Singapura juga tidak perlu cepat melatah dengan membuat pelbagai andaian.

(END)